



107

Garispanduan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja

Garispanduan ini merupakan semakan daripada Garispanduan yang diterbitkan dalam tahun 1996 oleh Jawatankuasa Bertindak dari Seksyen Perpustakaan-Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Para Remaja.

Koordinator-koordinator:

Pat Muller (Richmond, USA) dan Ivan Chew (Singapura)

Guidelines for Library Services for Young Adults / Pat Muller dan Ivan Chew =
Garispanduan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja / translated by Fuziah M.
Nadzar. The Hague, Ibu Pejabat IFLA, 2008. . 20 m.s. 30 sm. . (Laporan Profesional
IFLA, No. 107)

ISBN 978-90-77897-27-0
ISSN 0168-1931

Jadual Kandungan

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

SEKSYEN 1

Pengenalan

Matlamat Garispanduan ini

Penerbitan IFLA ini, **Garispanduan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja'** menyediakan satu rangkakerja bagi membangunkan perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja dan perpustakaan-perpustakaan, untuk komuniti antarabangsa. Ia menyediakan asas pembangunan intelek untuk sesebuah negara, juga untuk penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan melalui para pustakawannya. Garispanduan ini mengandungi kedua-dua idea filosofi dan praktik yang membolehkan sesebuah perpustakaan memperbaiki gerak balas terhadap memenuhi keperluan-keperluan pendidikan, maklumat dan masa lapang para remaja, melalui cara-cara yang sesuai dimajukan. Ia digunakan sebagai sebuah dokumen bagi para pustakawan, membuat keputusan, membuat dasar, pelajar bidang perpustakaan, dan mereka yang berkepentingan dalam memajukan perkhidmatan-perkhidmatan kepada para remaja.

Sasaran untuk garispanduan ini:

- Para pustakawan yang berkhidmat di kesemua jenis perpustakaan dan komuniti, di kawasan bandar dan luar bandar seluruh dunia, para profesional, pembantu dan sukarelawan.
- Para pentadbir perpustakaan dan membuat keputusan.
- Para pendidik profesional dan pelajar di sekolah-sekolah perpustakaan.

Setiap perpustakaan awam mempunyai komuniti yang berbeza untuk diberikan perkhidmatan, oleh itu terdapat keutamaan dan keperluan yang berbeza. Walau pun perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan khas untuk para remaja belum diwujudkan sebaiknya di semua negara, garispanduan ini telah dicipta dengan satu kepercayaan bahawa peringkat kedewasaan remaja adalah satu peringkat hidup yang unik. Para remaja berhak mendapat perkhidmatan perpustakaan yang sama kualiti dengan yang ditawar kepada kumpulan umur lain dalam populasi itu. Di mana mungkin, perkhidmatan-perkhidmatan ini harus dimajukan secara berkongsi bersama-sama para remaja itu sendiri.

Misi dan Matlamat Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja

%Rerpustakaan awam, iaitu laluan setempat kepada pengetahuan, menyediakan satu keadaan asas untuk pembelajaran sepanjang hayat, kebebasan membuat keputusan dan perkembangan budaya seseorang individu dan kumpulan-kumpulan sosial.+
(MANIFESTO PERPUSTAKAAN AWAM UNESCO/IFLA, 1995)

MANIFESTO UNESCO mengisyihar kepercayaan bahawa perpustakaan awam adalah seperti suatu kuasa penggerak untuk pendidikan, kebudayaan dan maklumat.

Rara remaja memerlukan perhatian khas kerana ramai yang secara sukarela meninggalkan amalan membaca pada peringkat ini dalam kehidupan mereka. Pengenalan mereka kepada berbagai jenis buku, yang sesuai dengan perubahan minat mereka, harus digalakkan oleh para pustakawan dan mereka yang menyedari mengenai pertumbuhan psikologi dan emosi mereka.+

(PIAGAM UNTUK PEMBACA, JAWATANKUASA BUKU ANTARABANGSA DAN PERSATUAN PENERBIT ANTARABANGSA 1992)

Misi sesebuah perpustakaan yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja adalah bagi membantu seseorang individu mencapai kejayaan melalui peralihan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa dengan menyediakan akses kepada sumber-sumber, dan suatu persekitaran yang memenuhi keperluan khusus para remaja untuk perkembangan intelek, emosional, dan sosial.

Matlamat Perkhidmatan Perpustakaan untuk Para Remaja

- Perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja harus menyediakan peralihan dari perkhidmatan-perkhidmatan kanak-kanak kepada perkhidmatan-perkhidmatan dewasa yang berdasarkan keperluan-keperluan unik para remaja.
- Para remaja memerlukan dan sepatutnya mendapat perkhidmatan-perkhidmatan yang mengambil kira keperluan-keperluan pendidikan, maklumat, kebudayaan, dan masa lapang mereka.
- Perkhidmatan-perkhidmatan harus mempromosi literasi, pembelajaran sepanjang hayat, literasi maklumat dan membaca untuk keseronokan.

Sepuluh matlamat berikut menyediakan satu rangkakerja bagi perpustakaan-perpustakaan ikuti untuk memajukan perkhidmatan-perkhidmatan kepada para remaja:

1. Perpustakaan telah mewujudkan kenyataan dasar yang jelas berkaitan hak akses percuma para remaja terhadap sumber-sumber perpustakaan dan sumber-sumber maklumat; dan menghormati hak para remaja terhadap pemilihan bahan-bahan yang bersesuaian keperluan mereka tanpa memerlukan penapisan.
2. Program perpustakaan untuk para remaja diurus secara berkesan menurut amalan-amalan terbaik.
3. Terdapat pengagihan sama rata sumber-sumber untuk menyokong program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja.
4. Kaktangan perpustakaan berpengetahuan tentang perkembangan remaja dan sumber-sumber bersesuaian umur para remaja, termasuk tentang mereka yang mempunyai keperluan khas.
5. Perpustakaan menyediakan pelbagai bahan terkini yang menjadi minat para remaja untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, literasi, motivasi membaca, dan perkembangan pembaca.
6. Perpustakaan menyediakan sumber-sumber untuk menyokong keperluan-keperluan pendidikan para remaja.
7. Perpustakaan membantu para remaja untuk memperoleh kemahiran-kemahiran agar dapat mengakses dengan berkesan kesemua sumber perpustakaan serta menjadi celik maklumat dan komputer.
8. Perpustakaan menggalakkan perkembangan belia dengan menyediakan peluang-peluang kepada para remaja untuk mengambil bahagian dalam

- perancangan dan pelaksanaan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan untuk mereka; serta peluang-peluang sukarelawan untuk membantu orang lain.
9. Perpustakaan mewujudkan satu kawasan khas untuk para remaja, kawasan yang menarik dan yang mencerminkan gaya hidup mereka.
 10. Perpustakaan bekerja dengan berkongsi bersama-sama agensi-agensi dan organisasi-organisasi lain di dalam komuniti untuk menyokong kesemua aspek perkembangan kesihatan dan kejayaan para belia.

SEKSYEN 2

Definisi kumpulan sasaran

Kumpulan sasaran (para remaja) boleh ditakrif sebagai satu kumpulan manusia yang berada di antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Setiap perpustakaan boleh menetapkan sendiri lingkungan umur yang mereka pertimbangkan sebagai para remaja, dan ini akan berbeza-beza mengikut latar belakang kebudayaan dan negara. Umumnya, tahun-tahun di antara dua belas dengan lapan belas sering digunakan sebagai lingkungan umur untuk perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan bagi para remaja. Lingkungan ini boleh dilanjutkan melebihi lapan belas tahun bergantung kepada sesebuah negara dan budaya itu. Kumpulan sasaran termasuk kesemua ahli tanpa mengira bangsa, agama, latar belakang kebudayaan, keupayaan intelek atau fizikal.

Keperluan Kumpulan Sasaran

Keperluan Kebudayaan:

Perpustakaan mesti terbuka kepada semua orang, dan oleh itu mesti menghormati keperluan-keperluan kebudayaan yang berbeza. Keperluan-keperluan kebudayaan mempunyai akar umbinya dalam kedua-dua tradisi lisan dan visual, di dalam perubahan masyarakat dan status sosial, di dalam kepelbagaiannya kebudayaan, dan dalam visi peribadi masa hadapan seseorang itu.

Keperluan Perkembangan:

Perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja harus direncana dengan kerjasama para wakil kumpulan sasaran tersebut. Para remaja harus terlibat secara aktif dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian sumber-sumber, perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program. Mereka harus dilayan dengan hormat, diterima, dan kesediaan pihak perpustakaan untuk mengesahkan pilihan-pilihan mereka, walaupun ini berbeza daripada apa yang secara tradisi ditawarkan oleh pihak perpustakaan.

Perpustakaan-perpustakaan yang menstruktur program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam konteks model-model perkembangan belia berdasarkan penyelidikan dapat menyediakan peluang-peluang untuk para remaja berjaya mencapai peralihan dari zaman remaja ke zaman dewasa.

Bahan-bahan

Para remaja merupakan satu kumpulan yang pelbagai, dan minat, tahap kematangan, keperluan-keperluan serta keupayaan-keupayaan mereka amat besar perbezaannya. Oleh itu, perpustakaan mesti menyediakan pelbagai sumber yang mencerminkan keperluan-keperluan mereka. Perhatian khusus mesti diberi kepada para remaja yang

kehilangan upaya, juga golongan minoriti sosial dan linguistik. Bahan-bahan dalam bahasa-bahasa lain harus disediakan dalam koleksi, termasuk bahan-bahan yang mencerminkan kepelbagaiannya kebudayaan.

Peluang-peluang yang diberi kepada para remaja untuk terlibat dalam pemilihan dan peragaan bahan-bahan perpustakaan bagi kumpulan umur mereka memberikan faedah positif kepada promosi perkhidmatan perpustakaan dan sumber-sumber serta dapat membantu penggunaan perpustakaan.

Banyak format disyorkan termasuk buku-buku komik, aliran popular di antaranya seperti fiksyen sains, khayalan, kisah cinta, dan misteri, dan muzik popular semasa.

Bahan-bahan bercetak termasuk:

- Buku-buku
- Majalah-majalah
- Brosur-brosur
- Poster-poster
- Buku-buku komik
- Novel-novel bergambar
- Bahasa-bahasa lain, termasuk Braille dan Bahasa Isyarat

Bahan-bahan bukan-bercetak termasuk:

- Buku-buku audio
- Muzik
- Multimedia seperti CD-ROM, CDI
- Perisian komputer
- Kaset-kaset video dan DVD
- Permainan elektronik dan kad
- Rangkaian elektronik dan produk-produk pangkalan data

Format-format ini harus kerap kali disemak, sejajar dengan perubahan teknologi.

Peralatan-peralatan yang menyokong secukupnya keperluan-keperluan pengguna untuk mengakses bahan-bahan bukan-bercetak (contohnya, konsol-konsol permainan) harus disediakan.

Perkhidmatan

Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan mesti menyokong keperluan-keperluan para remaja seperti yang ditakrifkan di awal dokumen ini. Senarai perkhidmatan-perkhidmatan yang disyorkan berikut tidak menyeluruh, namun ia boleh menjadi panduan kepada jenis-jenis perkhidmatan yang pihak perpustakaan ingin pertimbang untuk dimulakan bagi kumpulan sasaran ini. Apabila merancang perkhidmatan-perkhidmatan, pertimbangan harus selalu diberi kepada kegiatan-kegiatan fizikal, digital dan acara.

Contoh-contoh Perkhidmatan yang diSyorkan

- Akses percuma kepada Internet.

- Menyediakan maklumat rujukan untuk menyokong pencapaian pendidikan dan perkembangan peribadi.
- Melakukan lawatan perpustakaan yang menyokong keupayaan-kendiri dan tahap keselesaan ketika mengguna perpustakaan.
- Latihan untuk kemahiran literasi dan mencari maklumat, dengan menggunakan kedua-dua sumber bercetak dan elektronik.
- Menawarkan khidmat nashit pembaca untuk setiap individu dan kumpulan
- Menggalakkan penggunaan koleksi dalam semua format.
- Menyediakan alat-bantu pencarian dan bahan-bahan sokongan lain.
- Memudahkan akses kepada sumber di luar koleksi apabila perlu, seperti rujukan dan pinjaman antara perpustakaan.
- Mempromosi perkhidmatan kepada para remaja di dalam komuniti.
- Bekerjasama dengan para penyedia maklumat dan perkhidmatan yang lain di dalam komuniti.
- Menyediakan perkhidmatan kepada golongan khas seperti para remaja yang hilang upaya, ibu-bapa yang masih remaja, dan para remaja yang dipenjarakan atau yang tidak dapat ke perpustakaan kerana pelbagai sebab.

Program dan Penyertaan Belia

Perpustakaan yang ingin menawarkan program-program berkesan dan bermakna untuk para remaja mesti mendapatkan penyertaan mereka di kesemua peringkat proses program tersebut. Melibatkan para remaja dalam membuat keputusan, merancang, dan melaksanakan program-program untuk diri mereka amat disyorkan sebagai suatu amalan terbaik yang menyumbang kepada perkembangan positif para belia.

Para remaja harus diperakui sebagai pakar mengenai apa yang menarik dan berguna kepada mereka. Perpustakaan-perpustakaan dicadang mewujudkan satu proses yang membolehkan para remaja memberi input mengenai kemudahan-kemudahan, program-program, dan perkhidmatan-perkhidmatan . seperti sebuah Lembaga Penasihat Remaja atau satu program Duta Remaja. Perpustakaan-perpustakaan juga perlu memperakui para remaja sebagai satu sumber untuk membentang program-program kepada mereka yang lain di dalam komuniti.

Contoh-contoh Program yang diSyorkan

(Program-program yang disyorkan berikut merupakan satu panduan tentang jenis-jenis program yang perpustakaan berhasrat untuk pertimbangkan, namun minat dan pengaruh para remaja setempat harus sentiasa dijadikan faktor penentu dalam perancangan program)

- Bicara buku, bercerita, dan promosi buku.
- Kumpulan-kumpulan dan kelab-kelab perbincangan.
- Program-program maklumat tentang topik-topik yang diminati seperti kesihatan, kerjaya, isu-isu semasa.
- Lawatan-lawatan selebriti oleh para pengarang, atlet, dan orang-orang setempat yang diminati.
- Persembahan-persembahan kebudayaan seperti muzik, kesenian, dan drama.
- Program kerjasama dengan institusi-institusi dan kumpulan-kumpulan komuniti.
- Penerbitan-penerbitan para remaja (drama, penerbitan, TV, video).
- Bengkel-bengkel yang direncana untuk mengajar satu kemahiran atau untuk ekspresi kreatif.

- Debat-debat bacaan.
- Promosi-promosi buku.

Kakitangan

Kakitangan yang bekerja dengan para remaja harus mempunyai kemahiran-kemahiran dan kecekapan-kecekapan berikut:

- Memahami keperluan perkembangan unik para remaja.
- Menghormati para remaja sebagai individu.
- Mengetahui minat dan budaya para remaja.
- Berupaya mencipta perkongsian dikalangan kumpulan-kumpulan lain di dalam komuniti, yang mengambil kira keperluan para remaja.
- Fleksibel untuk menurut perubahan keperluan dan minat para remaja.
- Berupaya untuk menyokong para remaja di dalam perpustakaan dan seluruh komuniti.
- Berupaya bekerja secara berkongsi dengan para remaja.
- Mengetahui mengenai kesemua media, termasuk buku-buku dan sumber-sumber dalam semua format.
- Mahir berfikiran kreatif.

SEKSYEN 3

Kerjasama dengan institusi-institusi lain

Kualiti perkhidmatan perpustakaan untuk para remaja menekankan satu jaringan yang terjalin baik dengan para profesional atau institusi sukarela di dalam komuniti setempat. Kegiatan-kegiatan dalam kebudayaan, pendidikan dan kehidupan sosial para remaja mesti diselaraskan supaya institusi-institusi setempat tidak akan bersaing sebaliknya bekerjasama demi kebaikan para remaja. Banyak perpustakaan mempunyai sumber-sumber dan kemahiran untuk menjadi penyelaras profesional untuk manfaat para remaja.

Rangkaian pendidikan

Sekolah-sekolah adalah rakan kongsi paling penting kepada perpustakaan-perpustakaan awam yang berkhidmat untuk para remaja. Di banyak negara dan rantau negara, terdapat hanya sebuah perpustakaan sekolah, sebuah perpustakaan awam atau kadang-kadang sebuah perpustakaan yang bergabung untuk berkhidmat kepada orang awam. Perancangan secara kerjasama di antara perpustakaan-perpustakaan sekolah dengan perpustakaan-perpustakaan awam boleh memperbaiki usaha-usaha setempat untuk memenuhi keperluan-keperluan dan minat para remaja. Satu persetujuan rasmi disyor untuk memastikan pelaksanaan pelan kerjasama.

Rangkaian kebudayaan

Rangkaian kebudayaan adalah cara berkesan untuk menumpu kepada identiti dalam masyarakat pelbagai budaya agar dapat memenuhi keperluan para remaja. Perpustakaan awam, yang bekerjasama dengan institusi-institusi kebudayaan lain dan para remaja, boleh merancang dan menyediakan program-program kebudayaan seperti:

- Kesusasteraan, muzik, dan pesta-pesta filem.

- Pameran-pameran seni visual.
- Karnival-karnival.
- Seni persembahan, termasuk seni jalanan.

Rangkaian profesional

Kakitangan perpustakaan harus menjalankan usaha bersungguh-sungguh untuk bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkhidmat untuk para remaja di dalam komuniti. Perhubungan secara tetap dengan agensi-agensi perkhidmatan sosial, pekerjaan, kebajikan, dan penguatkuasa undang-undang, serta dengan kumpulan-kumpulan perkhidmatan belia lain, akan dapat membantu perpustakaan mengetahui mengenai arah aliran baru, perkembangan masalah-masalah sosial, dan isu-isu setempat yang lain, serta dapat membantu menarik para remaja yang lazimnya tidak akan mengunjungi sebuah perpustakaan. Penyelesaian secara kerjasama dapat dimaju dan dilaksana untuk memperbaiki kehidupan orang-orang muda.

SEKSYEN 4

Perancangan dan Penilaian

Perancangan berkesan memerlukan perpustakaan bermula dengan satu proses pengumpulan data dan penentuan matlamat.

Pengumpulan data adalah satu langkah penting dalam perancangan dan penilaian. Data demografi harus dikumpul untuk bahagian perkhidmatan perpustakaan daripada sumber-sumber kerajaan, seperti data bancian, pencapaian sekolah, petunjuk-petunjuk ekonomi, dan petunjuk-petunjuk sosial. Mengumpul dari berbagai sumber membolehkan perpustakaan membentuk satu profil populasi para remaja dan membuat keputusan bermaklumat mengenai program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan.

Satu rancangan berkesan dan sempurna untuk perkhidmatan para remaja harus terdiri daripada tiga hingga enam matlamat jangka panjang. Perpustakaan-perpustakaan harus berusaha untuk menentukan matlamat mana yang paling strategik untuk memenuhi atau memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan untuk para remaja. Satu belanjanan harus diwujud dengan matlamat yang diutamakan.

Penekanan harus disasar ke arah mencapai matlamat-matlamat ini mengikut masanya. Ini akan membolehkan perpustakaan menumpukan kemajuan yang berkekalan ke arah beberapa matlamat, daripada menabur sumber-sumber ke berbagai arah, tanpa kejayaan yang boleh diukur. Sebagai contoh, sebuah perpustakaan berhasrat untuk memberi tumpuan kepada membina koleksi para remaja dan menyediakan satu kawasan remaja yang menarik. Sebuah perpustakaan lain pula mungkin mahu menumpu kepada sokongan pendidikan dan memperbaiki literasi para remaja. Matlamat-matlamat harus ditentukan berasaskan keperluan-keperluan para pengguna, serta sumber-sumber yang tersedia untuk memenuhi keperluan itu.

Perpustakaan harus juga mendapatkan input daripada para remaja yang tidak menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahannya.

Penilaian Perkhidmatan-perkhidmatan

Ukuran kualitatif dan kuantitatif harus diguna untuk menentukan kejayaan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan para remaja. Ukuran-ukuran berikut dicadang untuk pertimbangan perpustakaan, jika mereka ingin menilai keberkesanan memberi khidmat kepada para remaja:

Lima Pengukur Asas Perkhidmatan:

- Edaran per kapita bahan-bahan bagi para remaja.
- Perbelanjaan per kapita dana perpustakaan untuk bahan-bahan para remaja.
- Simpanan bahan per kapita untuk bahan-bahan para remaja.
- Kadar pusing ganti . Bahagikan edaran simpanan untuk mengukur penggunaan.
- Kehadiran per kapita program.

Pengukur Tambahan Perkhidmatan:

- Lawatan perpustakaan sebagai peratus populasi para remaja.
- Penggunaan bangunan oleh para remaja.
- Pendaftaran sebagai nisbah populasi.
- Penggunaan bahan di dalam perpustakaan.
- Perkhidmatan-perkhidmatan rujukan setiap populasi para remaja.
- Kadar kejayaan transaksi maklumat.
- Kumpulan-kumpulan luar yang melawat perpustakaan dan kunjungan perpustakaan.
- Lawatan-lawatan keluar untuk menghubungi kumpulan-kumpulan luar yang dilakukan oleh pustakawan.
- Cerita-cerita menarik sebagai bukti mengenai kejayaan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan.
- Tinjauan-tinjauan atau temuduga-termuduga, yang mengukur perubahan-perubahan atau peningkatan sikap, pengetahuan, kemahiran, atau manfaat kepada para remaja . dengan bertanya secara langsung sama ada kegiatan tertentu telah membawa perubahan kepada mereka.
- Para pengguna harus termasuk dalam kesemua penilaian.
- Penggunaan Piawai Kebangsaan (jika ada).

SEKSYEN 5

Pemasaran dan Promosi

Mempromosi perpustakaan kepada para remaja adalah satu kegiatan penting. Ramai remaja tidak mengetahui skop atau nilai sumber-sumber yang tersedia untuk mereka di perpustakaan. Satu pelan promosi harus memuatkan berbagai kaedah untuk mendekati para remaja. Beberapa cadangan untuk memasarkan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan termasuk:

- Memastikan terdapat publisiti di tempat-tempat perhimpunan para remaja, seperti panggung wayang, kafe, kedai-kedai popular.

- Membina kredibiliti dengan meminta para remaja membantu mereka cipta bahan-bahan publisiti dan promosi lain, dan bertindak terhadap cadangan-cadangan mereka.
- Promosi perkhidmatan untuk para remaja di laman sesawang perpustakaan para remaja.
- Menaja acara-acara yang mengaitkan perpustakaan dengan satu perjuangan yang diambil berat oleh para remaja.
- Menawar pertandingan-pertandingan dan promosi-promosi yang membuka peluang kepada para remaja untuk menunjukkan pengetahuan dan keupayaan-keupayaan mereka.
- Mereka cipta bahan-bahan promosi yang menunjukkan kefahaman mengenai budaya dan minat para remaja, seperti sukan, selebriti-selebriti, percintaan, khayalan-khayalan, arah aliran baru, dan muzik.
- Menyediakan publisiti melalui rakan-rakan komuniti seperti sekolah-sekolah dan organisasi-organisasi lain.

SEKSYEN 6

Amalan-amalan Terbaik

Amalan-amalan terbaik berikut disediakan sebagai panduan tambahan dan menjelaskan pada sesebuah perpustakaan mengenai penggunaan garispanduan ini. Setiap perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja mesti memilih program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan yang amat berfaedah kepada mereka. Dan setiap maklumbalas perkhidmatan perpustakaan akan berbeza, kerana ianya berasaskan keperluan-keperluan dan ciri-ciri unik para remaja di dalam sesebuah komuniti itu, serta pada sumber-sumber perpustakaan dan komuniti.

Sokongan Kerja Rumah

Perpustakaan-perpustakaan di Denmark sedang mengusahakan persetujuan dengan Kementerian Kebudayaan dan Kementerian Orang Pelarian untuk memperkuatkannya keupayaan perpustakaan memberi khidmat kepada keperluan-keperluan para remaja daripada kumpulan-kumpulan etnik lain yang bukan penutur asli bahasa Danish. Peruntukan telah disediakan untuk mewujud dan mengendalikan program-program sokongan kerja rumah, yang dikenali sebagai *Kafe Kerja Rumah*, untuk para pelajar dwibahasa. Ramai daripada tutor sukarela adalah orang-orang berumur atau para pelajar muda daripada komuniti itu. Beberapa faedah adalah peningkatan kemahiran bahasa, kejayaan lebih besar di sekolah, dan peluang untuk bertemu para pelajar lain seperti mereka.

Kelab Perpustakaan

Perpustakaan awam di Aalborg, Denmark telah memulakan beberapa kelab orang muda untuk menarik mereka ke perpustakaan bagi menyertai kegiatan sosial yang positif. Setiap hari dalam seminggu, kelab berlainan akan berjumpa. Isnin adalah untuk bermain *Wii*, Selasa adalah untuk *Manga*, Rabu adalah untuk *Kerja Rumah*, dan Khamis adalah untuk *Kelab Membaca* yang membincangkan berbagai jenis buku dan puisi. Kakitangan

perpustakaan dan orang muda membentuk perhubungan-perhubungan yang mencetuskan idea-idea baru dan berguna untuk perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan.

Perpustakaan Multimedia Belia

Hamburg, German telah mencipta sebuah perpustakaan belia dengan objektif untuk menyediakan sebuah perpustakaan multi-media terkini dan ruang yang mengalu-alukan kegiatan-kegiatan masa lapang untuk orang muda dari kawasan berdekatan. Koleksinya mengandungi 50% media bercetak dan 50% media audio-visual, termasuk CD, DVD, buku-audio, permainan-permainan kad, majalah-majalah, *UMD*, permainan untuk *Xbox*, *Playstation*, *Nintendo DS*, dan *Wii*. Beberapa topik utama dalam koleksi itu adalah pengembalaan, aksi, komik, permainan, percintaan dan seks, tekanan, penagihan, dan misteri. Perpustakaan belia berusaha untuk mempromosi pembacaan dan kemahiran media melalui penggunaan kesemua jenis media secara aktif. Bangunan yang menempatkan perpustakaan belia ini adalah sebuah kilang propeler (kincir) yang telah diubahsuai untuk menawarkan penyajian makanan, dan sebuah panggung wayang, selain perpustakaan tersebut.

Budaya dan gaya hidup remaja diterima dan diraikan di Viroflay, sebuah subbandar di Paris. Kebisingan dari *walkman*, telefon tangan, dan alat MP3 mengisi sebuah perpustakaan multimedia baru untuk para remaja, yang kesemuanya dibenarkan di dalam perpustakaan itu. Muzik boleh dimuat-turun ke alat-alat muzik mereka secara sah. Terdapat tahap kepercayaan yang tinggi di antara para remaja dengan kakitangan perpustakaan, yang mengakibatkan kawalan-kendiri oleh para remaja itu. Perpustakaan media itu telah menaja sebuah bengkel melukis kartun dan menayang filem-filem pendek yang dicipta oleh para remaja pada skrin alu-aluan perpustakaan tersebut.

Malam Remaja diKunci di Dalam Perpustakaan

Para remaja berumur di antara 15 hingga 20 tahun dengan sukarela mengunci diri mereka semalam (dengan pengawasan orang dewasa) di dalam perpustakaan untuk melalui suatu pengalaman literasi, di Troyes, Perancis. Topik untuk petang itu adalah *Buku-buku dan Panggung Wayang*. Sepanjang malam tersebut, para remaja menonton filem-filem pendek, bercakap dengan para penulis, pengarah filem dan penulis filem, dan akhirnya, berkongsi sarapan pagi dengan mereka. Acara-acara seperti ini dapat memupuk sifat berdikari, kreativiti, dan sikap positif terhadap perpustakaan.

Memanjangkan Perkhidmatan kepada Para Remaja Cacat Penglihatan

Dalam tahun 2007, Perpustakaan Lucien Herr di Saint Jacques de la Lande di Brittany, Perancis, telah memperluaskan akses hadiah kesusasteraan tahunan untuk para remaja kepada mereka yang buta dan cacat penglihatan. Perpustakaan multimedia tersebut telah menyediakan transkrip-transkrip audio kepada 10 judul dalam pertandingan itu. Dalam tahun 2008, para pelakon profesional telah membacakan entri-entri. Beberapa salinan buku audio berserta alat-alat memainkannya telah diedar kepada para remaja. Para remaja yang mempunyai kekurangan ini tidak dipinggirkan, malahan dihargai dan disediakan dengan peralatan untuk menyertai kegiatan-kegiatan perpustakaan.

Belia Membantu Belia

Kelab Kafe Ulatbuku, Croatia, merupakan kegiatan anak muda yang paling lama di dalam bandar itu. Ia terkenal kerana projeknya yang bernama *Remaja Untuk Remaja/Orang Muda Untuk Orang Muda*. Projek pada tahun 2001 ini bermula dengan satu siri bengkel yang diselaraskan oleh para ahli muda perpustakaan itu untuk para pengguna sebaya mereka. Kelab ini bertemu sebulan sekali dan menarik para pembaca berumur 14 hingga 19 tahun, yang berkumpul kerana minat kepada buku dan bacaan yang dikongsi bersama. Setiap bulan kumpulan ini menentukan buku untuk dibaca dan dibincang. Mereka juga mengusahakan satu papan kenyataan di perpustakaan untuk menaikkan berita-berita mengenai mesyuarat-mesyuarat dan tema-tema serta sebarang cadangan. Mereka juga menulis cadangan-cadangan untuk laman sesawang perpustakaan dan sekali-sekala berpeluang membaca ulasan mereka di radio. Kelab ini adalah satu contoh terbaik aksi penyertaan para belia.

Persembahan Kreatif

Para remaja di Bandaraya Zadar, Croatia, telah diberikan peluang untuk mempersembahkan kemahiran-kemahiran kreatif mereka melalui satu program yang berjudul *%varstanica.+* Program bulanan ini berasaskan konsep *%open mic+* (mikrofon terbuka), yang menggalakkan para remaja membuat persembahan kreatif di hadapan rakan sebaya mereka. *%varstanica+* adalah satu program yang membolehkan kesemua remaja membuat persembahan, untuk membentangkan kemahiran-kemahiran dan kebolehan-kebolehan mereka dalam berbagai disiplin seperti menyanyi, menari, berlakon, seni, fesyen, dan penulisan kreatif. Generasi baru remaja kini menambah bentuk-bentuk hiburan lain seperti kuiz, pentomim, teka lakonan, dan permainan-permainan kompetitif yang lain. Walau pun tujuannya adalah untuk membina keyakinan diri dan bersuka-ria, para pustakawan yang menyelaras program-program ini juga melibatkan topik-topik daripada kesusasteraan belia, supaya dapat memupuk pembacaan dalam persekitaran yang santai dan mesra.

Malam Permainan Kakitangan

Memperkenalkan kakitangan perpustakaan kepada budaya dan gaya hidup remaja merupakan satu langkah ke hadapan yang penting dalam menyediakan khidmat kepada para remaja. Baru-baru ini sebuah perpustakaan di Richmond, Virginia, Amerika Syarikat, telah menjadi tuan rumah kepada satu program malam permainan remaja untuk para pekerja perpustakaan. Mereka telah berkumpul selepas waktu kerja pada petang Jumaat untuk makan pizza dan bermain berbagai permainan yang popular dikalangan para remaja, seperti *Guitar Hero*, *Wii*, dan *Dance Dance Revolution*. Ini telah membolehkan kakitangan tersebut menghargai satu aspek budaya remaja, dan telah mewujudkan satu rasa jalinan perhubungan dengan para remaja di dalam komuniti.

Minggu Teknologi Remaja

Perpustakaan La Puente di Los Angeles County, Amerika Syarikat, akan menjadi tuan rumah kepada kegiatan-kegiatan dalam talian untuk para remaja sewaktu perayaan Minggu Teknologi Remaja. Ini merupakan acara kebangsaan di Amerika Syarikat untuk menarik perhatian kepada peranan teknologi dalam kehidupan para remaja. *Program La Puente* akan tertumpu kepada literasi maklumat dengan memberikan kad-kad hadiah kepada mereka yang menjawab dengan tepat dalam pencarian kepada soalan-soalan

mengenai pangkalan-pangkalan data dan sumber-sumber dalam talian yang lain. Para remaja juga akan mendapat pengetahuan mengenai keselamatan dan hak peribadi apabila membeli secara dalam talian buku-buku perpustakaan, untuk ditambah kepada koleksi para remaja. Hari Jumaat akan menjadi hari teknologi yang menyeronokkan, kerana para remaja berpeluang untuk bertanding dalam permainan *Wii*, *Guitar Hero*, dan *Dance Dance Revolution*.

Perpustakaan Queens di Forest Hills, New York, akan melancarkan satu program *Tech Buddies+ (Teman-teman Teknologi)* yang memadankan para remaja dengan rakan-rakan lebih senior, yang ingin menjadi lebih berpengetahuan mengenai teknologi sambil mengajar kemahiran-kemahiran keselamatan dan hak peribadi pada masa yang sama. Program ini akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek teknologi yang menyeronokkan: *podcast*, video ringkas, dan permainan video. Para remaja dan rakan senior terpilih akan berkumpul untuk permainan *Wii* dan menikmati makanan ringan semasa Minggu Teknologi Remaja serta bertemu untuk kegiatan-kegiatan teknologi selama 10 minggu seterusnya.

Lampiran A

Senarai Semak Penilaian-kendiri

Untuk mendapatkan keputusan terbaik ketika menggunakan alat penilaian ini, tandakan di dalam setiap kotak bulan dan tahun yang berpadanan dengan kemajuan anda: sebagai contoh, jika perpustakaan anda %perlu mempertimbangkan+ termasuk perkhidmatan-perkhidmatan untuk para remaja dalam kenyataan misi mereka, tandakan %2009.+

Demi memberi perkhidmatan kepada para remaja, setiap perpustakaan awam harus:

1. **Berusaha menyediakan** perkhidmatan berkualiti tinggi untuk para remaja, memandangkan perkhidmatan-perkhidmatan itu penting, dan dianggap setaraf dengan, perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang dewasa.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

A horizontal scale consisting of a straight line with four vertical tick marks. Below the line, there are four descriptive labels: 'perlu pertimbangkan' under the first tick, 'pada peringkat perancangan' under the second, 'telah dilaksana' under the third, and 'mencapai dan menilai' under the fourth.


2. **Memasukkan** perkhidmatan kepada para remaja ke dalam kenyataan misi mereka.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

A horizontal scale consisting of a straight line with four vertical tick marks. Below the line, there are four descriptive labels: 'perlu pertimbangkan' under the first tick, 'pada peringkat perancangan' under the second, 'telah dilaksana' under the third, and 'mencapai dan menilai' under the fourth.


3. **Memastikan** kad perpustakaan dan hak keistimewaan perpustakaan diperolehi dengan mudah.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?




4. **Memahami** keperluan untuk menyediakan papan tanda yang tersergam, dalam kedua-dua bentuk perkataan dan gambar foto, agar membolehkan para pengguna berdikari semasa melayari lokasi-lokasi perpustakaan.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



5. **Menyediakan** ruang yang dikhhususkan bagi sumber-sumber untuk para remaja di kesemua lokasi perkhidmatan, termasuk perkhidmatan bergerak dan juga melalui perkhidmatan penghantaran.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



6. **Memilih** dan membeli bahan-bahan untuk kumpulan sasaran ini, yang menyokong matlamat literasi untuk menambah para pembaca.+

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai

7. **Menyediakan** persekitaran yang mengalu-alukan, yang selesa dan selamat serta sesuai dengan citarasa orang muda.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai

8. **Menyediakan** sumber-sumber secukupnya yang sesuai dengan umur, dalam berbagai format, termasuk: permainan komputer, bahan bercetak, multimedia, teknologi dan alat-alat penyesuaian.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai

9. **Menyediakan** bahan-bahan dan perkhidmatan yang boleh diakses oleh semua tanpa mengambil kira keupayaan.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai

10. **Mengekalkan** kakitangan secukupnya untuk menawarkan perkhidmatan rujukan dan pembaca serta untuk menyampaikan program-program.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai


11. **Bertanggungjawab** ke atas peluang-peluang pendidikan dan program-program latihan terkini.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai


12. **Mengenalpasti** dan memberi perhatian terhadap keperluan berbagai bahasa dan budaya para pengguna perpustakaan ketika memperoleh sumber-sumber dan merancang perkhidmatan-perkhidmatan.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?




13. **Menawarkan** program-program dan kegiatan-kegiatan bersesuaian umur pada beberapa waktu dalam sehari dan berbagai hari dalam seminggu, untuk memenuhi berbagai jadual yang diikuti oleh para pengguna mereka.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



14. **Menyediakan** brosur maklumat mengenai perkhidmatan perpustakaan di seluruh komuniti untuk menarik perhatian kesemua orang dalam komuniti itu.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?




15. **Menjalinkan** perkongsian dengan kumpulan-kumpulan dan organisasi-organisasi dalam komuniti untuk memastikan kemudahan, perkhidmatan, dan peluang terbaik disediakan untuk ahli-ahli remaja komuniti itu.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



16. **Menjemput** para pembentang dan penceramah untuk menambah dan memperluaskan berbagai topik yang menjadi minat pengguna, seperti kemahiran keibubapaan, penggunaan Internet, dadah, dll.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



17. **Menghebahkan**, melalui laman sesawang dan berbagai cara lain, termasuk media lisan dan dalam bahasa komuniti itu, tentang nilai-nilai perpustakaan awam sebagai sumber komuniti yang kaya dan yang mengalu-alukan.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



18. **Menggalakkan** perjumpaan dan perbincangan tidak rasmi untuk memupuk kemahiran membina keyakinan dan menyelesaikan masalah untuk para remaja.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai

19. **Berdedikasi** terhadap mempunyai kakitangan yang cekap, peka dan pelbagai budaya, yang mencerminkan kumpulan populasi komuniti, agar dapat berkhidmat untuk keperluan kesemua pengguna pelbagai budaya.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai


20. **Menempatkan** alat-alat dan kriteria-kriteria penilaian untuk menyediakan akauntabiliti kakitangan dan menawarkan peluang-peluang kemajuan profesional agar dapat memastikan perkhidmatan cemerlang kepada kesemua bahagian masyarakat.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?

perlu pertimbangkan pada peringkat perancangan telah dilaksana mencapai dan menilai

21. **Berusaha** ke arah peruntukan utama yang mencukupi untuk menyediakan perpustakaan awam yang PERCUMA.


Di manakah perpustakaan pada skala ini?



A horizontal scale line with four vertical tick marks and three intervals. Below the first interval is the text "perlu pertimbangkan". Below the second interval is the text "pada peringkat perancangan". Below the third interval is the text "telah dilaksana". Below the fourth interval is the text "mencapai dan menilai".

22. **Mengikuti** perkembangan mengenai amalan-amalan terbaik dari serata dunia dan mengubahsuai, serta menggunakan idea-idea baru yang berfaedah kepada perpustakaan dalam usaha ke arah kecemerlangan.

Di manakah perpustakaan pada skala ini?



A horizontal scale line with four vertical tick marks and three intervals. Below the first interval is the text "perlu pertimbangkan". Below the second interval is the text "pada peringkat perancangan". Below the third interval is the text "telah dilaksana". Below the fourth interval is the text "mencapai dan menilai".

Lampiran B

40 Aset Perkembangan

Melalui penyelidikan meluas, *Search Institute (Institut Pencarian)* telah mengenalpasti 40 rintangan kepada perkembangan sihat berikut, yang membantu orang muda membesar untuk menjadi sihat, mengambil berat, dan bertanggungjawab.

Definisi aset yang ditunjukkan dalam carta ini berdasarkan penyelidikan terhadap anak-anak remaja (gred 6 hingga 12)

Jenis Aset	Nama & Definisi Aset	
ASET LUARAN		
Sokongan	Sokongan Keluarga	Kehidupan keluarga menyediakan tahap kasih sayang dan sokongan yang tinggi.
	Komunikasi positif keluarga	Orang muda dan ibu-bapa mereka berkomunikasi secara positif, dan orang muda mahu mendapatkan nasihat dan kaunseling daripada ibu-bapa.
	Hubungan dengan orang dewasa lain	Orang muda mendapat sokongan daripada dua atau tiga orang dewasa selain ibu-bapa.
	Kawasan kejiranan yang mengambil berat	Orang muda melalui pengalaman dengan jiran-jiran yang mengambil berat mengenai mereka.
	Persekutaran sekolah yang mengambil berat	Sekolah menyediakan persekitaran yang mengambil berat dan menggalakkan.
	Penglibatan ibu-bapa dalam persekolahan	Ibu-bapa terlibat secara aktif dalam membantu dan menggalakkan orang muda.
Menurunkan Kuasa	Komuniti menghargai para belia	Orang muda merasakan orang dewasa di dalam komuniti menghargai para belia.

	Para belia sebagai sumber	Orang muda diberikan peranan yang berguna di dalam komuniti
	Khidmat kepada orang lain	Orang muda berkhidmat selama satu jam atau lebih seminggu di dalam komuniti.
	Keselamatan	Orang muda berasa selamat di rumah, di sekolah, dan di kawasan kejiranan mereka.
Sempadan dan Harapan	Sempadan keluarga	Keluarga mempunyai peraturan dan kesannya yang jelas, dan memantau keberadaan orang muda.
	Sempadan sekolah	Sekolah menyedia peraturan dan kesannya yang jelas.
	Sempadan kawasan kejiranan	Jiran mengambil tanggungjawab untuk memantau tingkah laku orang muda.
	Orang dewasa sebagai <i>Role Model</i>	Ibu-bapa dan orang dewasa lain menunjukkan contoh kelakuan positif dan bertanggungjawab.
	Pengaruh positif rakan sebaya	Sahabat karib orang muda menunjukkan contoh kelakuan yang bertanggungjawab.
	Harapan yang tinggi	Kedua-dua ibu-bapa dan guru menggalakkan orang muda untuk berjaya.
Penggunaan Masa Secara Konstruktif	Kegiatan kreatif	Orang muda menghabiskan tiga jam atau lebih seminggu untuk pelajaran atau berlatih muzik, teater, atau bidang seni yang lain.
	Program untuk belia	Orang muda menghabiskan tiga jam atau lebih seminggu untuk sukan, kelab atau organisasi komuniti.
	Komuniti keagamaan	Orang muda menghabiskan satu jam atau lebih untuk kegiatan di institusi keagamaan.
	Masa di rumah	Orang muda keluar dengan rakan-rakan tanpa melakukan sesuatu yang khusus+dua malam atau kurang seminggu.

ASET DALAMAN

Komirmen kepada Pembelajaran	Motivasi Pencapaian	Orang muda didorong untuk berjaya di sekolah.
	Penglibatan di sekolah	Orang muda terlibat secara aktif dalam pembelajaran.
	Kerja rumah	Orang muda melaporkan bahawa kerja rumah dibuat sekurang-kurangnya satu jam setiap hari bersekolah.
	Ikatan kepada sekolah	Orang muda mengambil berat mengenai sekolahnya.
	Membaca untuk keseronokan	Orang muda membaca untuk keseronokan tiga jam atau lebih seminggu.
Nilai-nilai Positif	Mengambil berat	Orang muda meletakkan nilai yang tinggi terhadap menolong orang lain.
	Kesamarataan dan keadilan sosial	Orang muda meletakkan nilai yang tinggi terhadap mempromosi kesamarataan dan mengurangkan kelaparan dan kemiskinan.
	Integriti	Orang muda bertindak atas kepercayaan dan berdiri teguh terhadap kepercayaannya.
	Kejujuran	Orang muda menyatakan yang benar+walau pun bukan sesuatu yang mudah.
	Tanggungjawab	Orang muda menerima dan mengambil tanggungjawab peribadi.
Kecekapan Sosial	Pembatas perasaan	Orang muda mempercayai bahawa adalah penting untuk tidak aktif seks atau meminum arak atau mengguna dadah.
	Perancangan dan membuat keputusan	Orang muda tahu bagaimana untuk merancang untuk masa depan dan membuat pilihan.

	Kecekapan interpersonal	Orang muda mempunyai kemahiran-kemahiran empati, kepekaan, dan persahabatan.
	Kecekapan kebudayaan	Orang muda berpengetahuan dan selesa dengan orang dari berbagai latarbelakang kebudayaan/ras/etnik.
	Kemahiran mengawal diri	Orang muda boleh mengawal diri dari tekanan rakan sebaya dan situasi-situasi merbahaya.
	Resolusi konflik secara aman	Orang muda berusaha untuk menyelesaikan konflik tanpa kekejaman.
Identiti Positif	Kuasa peribadi	Orang muda berasa dia berupaya mengawal perkara-perkara yang berlaku kepada saya.+
	Harga diri	Orang muda dilaporkan mempunyai harga diri yang tinggi.
	Kesedaran tentang tujuan	Orang muda menyatakan bahawa saya mempunyai tujuan kehidupan.+
	Pandangan positif mengenai masa depan	Orang muda optimistik tentang masa hadapan dirinya.

Senarai ini adalah satu alat pendidikan. Ia bukan dicadangkan untuk menjadi, mahu pun ia sesuai, sebagai satu ukuran saintifik tentang perkembangan aset para individu.

Hakcipta © 1997, 2006 oleh Search Institute. Semua hak terpelihara. Carta ini hanya boleh diterbit semula untuk kegunaan pendidikan dan bukan-komersil (dengan ayat hakcipta ini). Kegunaan lain adalah tidak dibenarkan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Search Institute, 615 First Avenue N.E., Suite 125, Minneapolis, MN 55413; 800-888-7828. Lihat *Permissions Guidelines and Request Form* (Borang Permohonan dan Garispanduan Kebenaran Search Institute) (<http://www.search-institute.org/permission.htm>). Berikut adalah tanda niaga berdaftar Search Institute: Search Institute®, Development Assets®, dan Healthy Communities Healthy Youth®.

Translated into Bahasa Melayu by:

Associate Professor Fuziah M. Nadzar,
Senior Lecturer,
Faculty of Information Management,
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Puncak Perdana Campus, 40150 Shah Alam,
Selangor, Malaysia.

Tel. +603 7962 2112
Fax. +603 7962 2007
e-mail: fuziahmn@salam.uitm.edu.my